

19 SEP 1998

Kastam

KASTAM TIDAK HADAPI MASALAH KAWAL ALIRAN RINGGIT

KANGAR, 19 Sept (Bernama) -- Jabatan Kastam tidak menghadapi masalah mengawal masuk-keluar wang kertas Ringgit sejak arahan kawalan itu dikuatkuasakan 1 Sept lalu.

Timbalan ketua pengarah (pelaksanaan) jabatan itu, Madehi bin Kolek berkata, sehingga ini belum ada individu yang ditahan bersabit kesalahan itu.

Bercakap kepada para pemberita selepas melancarkan kempen mencegah penyeludupan empat negeri sempadan di terminal feri Kuala Perlis dekat sini, hari ini, beliau berkata, kakitangan jabatan itu di setiap pintu keluar masuk telah diberi garis panduan mengenai pengawalan itu.

Pada 1 Sept lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan langkah drastik pemulihan ekonomi termasuk mengawal aliran Ringgit bagi membendung kegiatan spekulasi.

Mengikut langkah itu, Ringgit tidak sah diperlakukan atau tidak boleh diurusniaga di luar negara mulai Oktober dan semua ringgit di luar pesisir perlu dibawa masuk dalam tempoh sebulan iaitu sebelum 1 Okt.

Madehi berkata, setiap kakitangan Kastam dikehendaki mengesahkan borang pengisytiharan pengembara asing dan memastikan mereka tidak membawa masuk atau membawa keluar wang kertas Ringgit melebihi RM1,000.

Mengenai prestasi kegiatan pencegahan di negeri-negeri bersempadan dengan Thailand iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan antara Januari dan Ogos lalu, beliau berkata ia adalah memuaskan.

Nilai barangan rampasan bagi negeri-negeri berkenaan ialah lebih RM3.37 juta sepanjang tempoh berkenaan.

Sempena kempen itu, pameran pencegahan diadakan selama dua hari di terminal feri itu.

-- BERNAMA

AD PR